

Masidi dilantik Pengerusi Lembaga Pengarah UMS

NS1 5-8-2020 2

KOTA KINABALU: Datuk Seri Masidi Manjun telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (LPU UMS) yang baharu berkuat kuasa pada 3 Ogos 2020, bagi menggantikan Datuk Wira Ir. Md Sidek Ahmad.

Watikah pelantikan sebagai Pengerusi LPU UMS baharu telah disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Noraini Ahmad di bangunan Parlimen kelmarin.

Masidi berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari University London dan berdaftar sebagai Barrister-at-Law dengan kepujian di Lincoln Inn, London.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Institute for Development Studies Sabah (IDS) dari tahun 1994-2004 dan turut menjadi ahli lembaga pen-



LANTIKAN ... Masidi (kiri) menerima watikah pelantikan daripada Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Noraini Ahmad.

garah di Bank Pembangunan Sabah waktu itu.

Dalam dunia politik, beliau merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk Karanaan, Parlimen Ranau sejak tahun 2004 sehingga kini dan pernah menjawat jawatan sebagai Menteri Belia dan Sukan serta Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah merangkap Exco Pendidikan Negeri Sabah.

Warga UMS merakamkan

setinggi-tinggi tahniah dan syabas atas pelantikan ini dan yakin bahawa Masidi mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik demi kecemerlangan UMS di persada nasional dan antarabangsa.

Sementara itu, warga UMS juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Md Sidek atas sumbangan dan jasa bakti selama memegang jawatan sebagai Pengerusi LPU UMS.